

23/08/2002

Kuim sedia memartabatkan pendidikan, kemajuan Islam

Dr Abdullah Muhammad Zin

(Sempena upacara pecah tanah tapak kampus tetap Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, semalam).

PADA masa ini, pengajian Islam dan bidang berkaitan dengannya di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dikendalikan dalam tiga bentuk - pertama, bentuk kursus dan pakej pengijazahan; kedua, bentuk fakulti atau akademi dan ketiga ialah universiti.

Secara umumnya, kaedah kursus dan pakej pengijazahan dibahagikan kepada tiga, iaitu pakej Pengajian Islam secara perkhidmatan, pakej program pengijazahan dan kursus-kursus secara tersendiri.

Pakej Pengajian Islam secara perkhidmatan ialah pakej Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS).

Sesetengah IPTA seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pula menawarkan kursus Pengajian Islam secara perkhidmatan. Di USM, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan mempunyai minor Pengajian Islam.

Di UTM, fungsi ini dimainkan oleh Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial yang menawarkan kursus pengajian Islam.

Pakej program pengijazahan pula ada ditawarkan di sesetengah IPTA seperti pakej diploma dan ijazah dalam bidang ilmu semasa berteraskan Islam.

UTM, umpamanya melalui Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial dengan kerjasama Fakulti Pendidikan, menawarkan program Diploma serta Sarjana Muda Sains Pendidikan (Pengajian Islam).

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Ekonomi dengan kerjasama Fakulti Pengajian Islam menawarkan pengkhususan dalam bidang ekonomi Islam.

Selain program berkaitan Islam yang ditawarkan dalam bentuk perkhidmatan dan program pengijazahan, ada beberapa IPTA menawarkan kursus berkaitan Islam secara bersendirian.

Ini berlaku di Universiti Utara Malaysia (UUM) di mana kursus Politik Dunia Islam dan Seminar Islam Dalam Pentadbiran di Malaysia ditawarkan di bawah Sekolah Pembangunan Sosial.

Kaedah kedua ialah fakulti atau akademi.

Pada masa ini, ada dua fakulti atau akademi di dua IPTA di negara ini yang mengendalikan kursus Pengajian Islam, iaitu Fakulti Pengajian Islam UKM dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM).

Fakulti Pengajian Islam UKM ditubuhkan serentak dengan penubuhan UKM pada 18 Mei 1970.

Hari ini, Fakulti Pengajian Islam mempunyai lima jabatan, iaitu Jabatan Syariah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepemimpinan, dan Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah.

Akademi Pengajian Islam UM pula ditubuhkan pada 1 April 1981.

Ada dua universiti yang menawarkan Pengajian Islam melalui kaedah universiti iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim).

UIAM ditubuhkan pada 10 Mei 1983 oleh kerajaan dan dibiayai serta ditaja bersama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan beberapa negara Islam.

Penyertaan beberapa negara Islam ini memperkukuhkan kedudukan UIAM sebagai sebuah universiti antarabangsa.

UIAM dimulakan dengan dua fakulti terawal iaitu Kulliyyah Undang-undang dan Kulliyyah Ekonomi.

Setelah beberapa tahun, beberapa fakulti lain ditubuhkan seperti Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Kulliyyah Kejuruteraan, Kulliyyah Senibina dan Rekabentuk Alam Sekitar, Kulliyyah Perubatan, Kulliyyah Sains dan Kulliyyah Farmasi.

Selain UIAM, Kuim turut dikelaskan di bawah universiti yang menawarkan Pengajian Islam.

Bezanya dengan UIAM, Kuim adalah universiti Islam Malaysia pertama yang ditubuh dan ditaja sepenuhnya oleh kerajaan.

Sejarah penubuhannya bermula dengan persetujuan mesyuarat jemaah menteri pada 11 Jun 1997 yang bersetuju menubuhkan sebuah universiti Islam.

Kemudian ia diwartakan pada 12 Mac 1998 dan mula beroperasi pada 2000.

Antara tujuan penubuhan Kuim ialah memartabatkan pendidikan Islam dan mengetengahkannya ke dalam arus perdana pendidikan negara di samping menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam sistem pengajaran dan penyelidikan.

Di Kuim, penguasaan bahasa, terutama Arab, Inggeris dan Melayu diberi tumpuan.

Pada peringkat awal penubuhannya, Kuim menawarkan program akademik peringkat prasiswazah secara sepenuh masa, iaitu Fakulti Syariah dan Kehakiman, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam.

Pada sesi Jun 2002, Kuim telah menubuhkan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) serta Pusat Pasca Siswazah, iaitu Pusat Pengajian Siswazah (PPS).

Berdasarkan laporan pelaksanaan Pelan Pembangunan 2001-2010 Kuim, pengajian tidak tertumpu kepada aspek asas Islam saja tetapi merangkumi semua disiplin sastera, sains dan teknologi bagi melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang kehidupan seperti kedoktoran, kehakiman, ekonomi, usahawan, saintis, teknologi serta berbagai bidang lain lagi yang mempunyai asas dan pegangan akidah yang kukuh melalui proses pendidikan terancang.

Sehingga kini, peluang pendidikan tinggi yang sedia ada bagi pelajar sekolah menengah aliran agama adalah tidak mencukupi kerana calon lebih tertumpu kepada universiti yang menawarkan kursus yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka.

Sehingga kini, ada 57 sekolah menengah agama yang dibiayai kerajaan (Sekolah Menengah Agama Persekutuan - SMAP dan sekolah menengah kebangsaan agama - SMKA) kelolaan Kementerian Pendidikan dengan keluaran lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai antara 30,000 hingga 40,000 pelajar.

Seramai 3,343 pelajar tingkatan lima dan 3,682 pelajar tingkatan empat dalam aliran sains dijangka tamat pengajian masing-masing pada 2002 dan 2003.

Bagi sekolah agama negeri pula, 1,368 pelajar tingkatan lima dan 1,605 pelajar tingkatan empat dalam aliran sains dijangka tamat pengajian masing-masing pada 2002 dan 2003.

Ini menjadikan seramai 9,998 calon aliran sains bakal menamatkan pengajian antara 2002 dan 2004 (Laporan Kemajuan Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Kuim).

Oleh kerana tempat yang ditawarkan universiti tempatan dalam bidang sains terhad dan terpaksa bersaing dengan pelajar aliran biasa di sekolah menengah kerajaan, maka sebahagian besar pelajar yang cemerlang di sekolah aliran agama terpaksa meneruskan pengajian di universiti Asia Barat atau meneruskan pengajian dalam bidang sains konvensional atau sastera.

Justeru, Kuim berhasrat dan bertekad dalam pelan strategik pendidikannya tidak hanya tertumpu kepada pengajian asas Islam tetapi merangkumi semua

disiplin pengajian sama ada sastera, sains, perubatan dan juga teknologi.

Universiti terkenal di dunia seperti Universiti al-Azhar tidak terhad bidang pengajiannya kepada pengajian Islam saja tetapi merentasi semua disiplin seperti perubatan, sains dan teknologi.

Keperluan melahirkan profesional Muslim di negara ini dalam pelbagai bidang, terutama bidang profesional yang sangat diperlukan seperti perubatan, farmasi dan lain-lain untuk menjadikan Malaysia sebagai contoh negara Islam yang maju.

Adalah dijangkakan dengan adanya program pengajian sains dan teknologi yang diterapkan bersama kursus pengajian Islam di Kuim, negara bakal melahirkan profesional Islam dan membantu Kementerian Pendidikan untuk mengukuhkan lagi nisbah sains dan sastera pada tahap 60:40.

Begitu juga Kuim dapat menyahut saranan kerajaan untuk mengimbangkan nisbah ijazah-diploma daripada 1:4 kepada 1:2 dengan program baru yang lebih profesional seperti perubatan, perakaunan, kaunseling dan lain-lain.

Hasrat Kuim untuk memperluaskan pengajian Islam tidak hanya memfokuskan kepada pengajian al-Quran dan hadis saja.

Ia perlu merangkumi semua aspek kehidupan ummah adalah selari dengan resolusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Pengajian Islam dalam Institusi Pengajian Tinggi Dunia yang dianjurkan Kuim pada 29 hingga 30 Julai lalu.

Tokoh ilmuwan Islam seperti Prof Dr M A Zaki Badawi dari The Muslim College, London; Prof Dr Anis Ahmad dari Institut Pengajian Dasar Pakistan dan tokoh lain menegaskan bahawa kegagalan institusi pendidikan Islam mengaitkan cabang ilmu yang lain dalam pengajian itu akan meletakkan umat Islam dalam keadaan beku dan jumud.

Pandangan tokoh ilmuwan Islam berkenaan adalah seiring dengan hasrat kerajaan untuk mempelbagaikan program pengajian Islam di peringkat institusi pengajian tinggi dan usaha melahirkan golongan intelek Islam yang berkualiti serta memberi peluang kerjaya lebih luas bagi graduan pengajian Islam di negara ini.

* Prof Datuk Dr Abdullah Muhammad Zin ialah Timbalan Rektor (Akademik) Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim).